

‘Bekas menteri, wakil rakyat wajar pilih satu saja pencen’

Anwar minta bekas anggota Kabinet penuh tanggungjawab moral

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas anggota Kabinet, menteri besar dan pegawai kerajaan yang memperoleh tiga hingga empat bayaran pencen, wajar memilih hanya satu bayaran dan menolak yang lain, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Perdana Menteri, menjadi tanggungjawab moral ahli politik untuk menolak beberapa pencen yang layak diperoleh, sebaliknya hanya memilih satu.

“Dalam keadaan begini, memenuh

ni tanggungjawab moral mereka, mungkin mereka boleh menolak pencen yang lain dan memilih satu, itu mungkin. Terserah kepada mereka,” katanya kepada media selepas merasmikan Ulang Tahun Ke-60 Zoo Negara, di sini semalam.

Yang turut hadir, isteri beliau, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari; Timbalan Presiden Malaysian Zoological Society, Datuk Rosly @ Rahmat Ahmat Lana dan Duta Besar China ke Malaysia, Ouyang Yujing.

Anwar mengulas pendirian Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK) supaya bayaran bulanan diberikan kepada bekas wakil rakyat diteruskan, begitu juga dengan skim pencen untuk kakitangan awam.

Presiden MUBARAK, Tan Sri Abdul Aziz Rahman dilapor berkata, bayaran untuk bekas ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) sebenarnya sumbangan kerajaan atau ‘gratu-



tuity’ atau ganjaran, bukannya pencen seperti difahami sesetengah pihak.

Kelmarin, Perdana Menteri menegaskan pelaksanaan skim tidak berpencen bagi penjawat awam baharu turut terpakai kepada ahli politik di negara ini, termasuk yang dilantik sebagai menteri, menteri besar serta wakil rakyat dan beliau secara prinsipnya bersetuju dengan keputusan itu.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu akan dimuktamadkan Jemaah Menteri selepas mendengar pandangan pelbagai pihak dan kajian mendalam membabit-

kan skim saraan penjawat awam yang meliputi pelbagai aspek Perlembagaan Persekutuan.

Rabu lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dipetik berkata, Kabinet bersetuju perjawatan bagi penjawat awam baharu kerajaan berstatus tetap selepas ini adalah tidak berpencen.

Namun, pengumuman itu mencetuskan polemik apabila tidak dipersetujui kebanyakan rakyat, pemimpin politik dan kesatuan mewakili kakitangan perkhidmatan awam.

Ia termasuk CUEPACS yang menggesa kerajaan mengkaji semula pencen kepada ahli politik membabitkan wakil rakyat jika negara berdepan kekangan kewangan sehingga terpaksa menyekat skim saraan perkhidmatan awam.

Presidennya, Datuk Dr Adnan Mat dilapor berkata, kerajaan sepatutnya memikirkan untuk memansuhkan pencen kepada kumpulan ‘orang politik’ terlebih dahulu kerana kebanyakan mereka

berkhidmat kira-kira lima tahun berbanding penjawat awam yang bekerja sehingga 30 tahun.

Dalam pada itu, Anwar menjelaskan, langkah memansuhkan pencen tidak boleh dilakukan buat masa ini kerana terikat dengan undang-undang tertinggi negara yang memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

“Masalah orang tidak baca (faham), Perlembagaan tidak membolehkan kita membatalkan apa sudah dipersetujui sebelum ini. Yang kita hendak mulakan ialah peraturan baharu yang boleh berkuat kuasa selepas diputuskan bagi jawatan baharu, termasuk jawatan politik.

“Itu cadangan kita yang akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan kemudian di Parlimen kerana membabitkan beberapa pindaan undang-undang. Jadi, tidak boleh batalkan (ketetapan) sedia ada kerana terikat dengan perjanjian dan jaminan Perlembagaan,” katanya.